



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media
Unit Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 9812

Faks : 03-2694 1373

e-mel : akhbar@dbkl.gov.my

()dlm.DBKL / JP / 05 / 2010 / 7001 - 4

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang
Surat Kepada Pengarang
Harian Metro

Warga asing galak berniaga

Kami merujuk kepada surat daripada *Pembayar Cukai, Segambut Dalam, Kuala Lumpur* bertarikh 3 Mei 2010 dan ingin memaklumkan mengenainya.

DBKL maklum dengan masalah warga asing yang berniaga di sepanjang jalan di Segambut Dalam. Terdapat 70 premis yang beroperasi tanpa lesen di mana pengendali perniagaan merupakan warga asing yang menjalankan perniagaan barang runcit, telekomunikasi, gunting rambut dan cucian kereta.

Sejak **Januari hingga Mac 2010**, sebanyak **49 tindakan penguatkuasaan** telah diambil di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai 1989. DBKL akan mengadakan pemantauan secara berterusan bagi memastikan isu ini dapat dibendung.

Sekian.

ANWAR BIN MOHD ZAIN

Pengurus Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
17 Mei 2010
3 Jamadilakhir 1431H